


# Tangki bocor ancam penduduk PPR Intan Baiduri

**KUALA LUMPUR** - Lebih 1,000 penduduk di Blok A Program Perumahan Rakyat (PPR) Intan Baiduri, Kepong di sini diselubungi rasa gelisah selepas tangki air di tingkat 17 apartmen tersebut bocor sejak awal tahun ini.



Menurut Ketua Blok A PPR Intan Baiduri, Khairul Anwar Yusoff (gambar

kecil), penduduk apartmen tersebut bimbang kebocoran tangki air tersebut akan menjejaskan struktur bangunan dan rumah kerana sudah hampir sembilan bulan air menitis masuk



**TINJAUAN Kosmo!** semalam mendapati sebuah rumah sampah turut ditakungi air disebabkan kebocoran tangki di tingkat 17 PPR Intan Baiduri, Kepong.

kediaman mereka.

"Air dari tingkat 17 turut menyebabkan salah satu daripada tiga buah lif rosak selepas air turut bertakung di dalam lif.

"Selain itu, dinding dan

bumbung rumah kami turut rosak apabila air yang meresap menyebabkan catnya mengelupas. Apa yang paling membimbangkan penduduk sekiranya berlaku lintas pintas pada



**SEBUAH** tangki air di bawah PPR Intan Baiduri turut berdepan masalah kebocoran.

peralatan elektrik," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, penduduk telah membuat laporan kepada pihak pengurusan pada Ogos lalu dan

beberapa alternatif untuk menukar paip telah dijalankan tetapi penduduk masih berdepan masalah yang sama.

"Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah

membuat kunjungan tetapi sehingga kini belum ada tindakan yang diambil," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, Zaiton Abd. Ghani, 41, berkata, beliau bimbang akan keselamatan anaknya yang masih kecil apabila terdedah dengan risiko penyakit.

"Kehadiran nyamuk yang banyak juga amat membimbangkan. Sebanyak 14 kes demam denggi telah dilaporkan," katanya.

Dalam tinjauan *Kosmo!*, selain tangki di tingkat 17, sebuah lagi tangki di tingkat bawah juga berdepan masalah bocor sehingga menyebabkan laluan di sekitar apartmen sentiasa bertakung.

FOTO: DJOHAN SHAHRIN SHAH